

## ABSTRAK

Hukum syariat Islam terbina di atas dua sumber utama wahyu iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Melalui kedua sumber itu, terhasilnya sumber-sumber hukum yang lain. Berdasarkan sumber-sumber hukum itu pula, terciptanya metodologi-metodologi hukum bagi mengguna pakai dan memahami penggunaan sumber-sumber hukum tersebut. Imām al-Shāfi'ī merupakan penyusun pertama ilmu *uṣūl fiqh* atau kaedah metodologi hukum. Bagaimana pun, Imām al-Shāfi'ī juga terkenal dalam *madhhabnya* dengan dua *qāwl*, iaitu *qāwl qadīmnya* di Iraq dan *qāwl jadīdnya* di Mesir. Namun tidak kesemua *qāwl qadīm* al-Shāfi'ī itu mengalami perubahan hukum. Tetapi secara pasti, setiap *qāwl* al-Shāfi'ī itu berasaskan kepada metodologi hukumnya tersendiri. Justeru, penulis cuba melakukan analisa terhadap beberapa masalah *fiqhiyyah* secara perbandingan antara kedua metodologi *qāwl* al-Shāfi'ī ini. Bagi mengumpul data-data kajian, metode dokumentasi dan metode kajian perpustakaan telah digunakan sepenuhnya. Maka kajian banyak merujuk kitab rujukan utama fiqh al-Shāfi'ī, kitab *uṣūl al-fiqh*, kitab *qawā'id al-fiqh*, kitab *sharḥ al-hadīth*, kitab *al-tārīkh* (sejarah), artikel-artikel fiqh. Secara umum, kajian ini banyak menggunakan metode komparatif dalam menganalisa dapatan kajian, selain metode induktif dan deduktif. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa Imām al-Shāfi'ī mempunyai metodologi yang berbeza diantara kedua *qāwlnya* dalam berijtihad. Sebagai contoh dalam *qāwl jadīd* beliau mengambil kira metode hukum *al-maṣāliḥ al-mursalah*, *al-istiḥāb*, dan *sadd al-dharā'i'* sebagai sumber ijtihadnya. Sedangkan *qāwl qadīm* lebih berpegang kepada kekuatan *zāhir al-naṣ* dan *al-qiyās* semata-mata. Oleh itu, kajian ini memperlihatkan kepentingan penggunaan metodologi hukum dan pendekatan hukum dalam mencorakkan kepelbagaian dan percambahan ijtihad.